



## KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN

**NAMA KURSUS : PRINSIP PERAKAUNAN**  
**KOD KURSUS : DSM1033**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2022**  
**MASA : 3 JAM**

## **ARAHAAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (50 Markah)
  2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
  3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
  4. Tulis butiran anda seperitimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
    - i. Nama Penuh Pelajar
    - ii. No. Kad Pengenalan
    - iii. Seksyen Kelas
    - iv. Kod Kursus
    - v. Nama Kursus
    - vi. Nama Pensyarah
  5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
  6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri sebuah organisasi perniagaan.

Saham tidak boleh dipindah milik.  
Laporan kewangan perlu dibentangkan.  
Saham tidak disenaraikan dalam bursa saham.

**Pernyataan 1**

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri dalam pernyataan 1 di atas?

- A Perkongsian.
- B Milikan tunggal.
- C Syarikat Awam Berhad.
- D Syarikat Sendirian Berhad.

2. Pengguna ini memerlukan maklumat perakaunan sebagai panduan merancang dan mengawal organisasi perniagaan. Siapakah pengguna yang dimaksudkan bagi pernyataan ini?

- A Pemilik.
- B Pelabur.
- C Kerajaan.
- D Pengurus.

3. **Pernyataan 2** merupakan ciri kualitatif pelaporan kewangan.

Segala maklumat dinyatakan secara jujur dalam penyata kewangan tanpa kesilapan atau maklumat tertinggal.

**Pernyataan 2**

Ciri kualitatif yang manakah tepat bagi pernyataan 2 di atas?

- A Relevan.
- B Kebolehsahan.
- C Tempoh masa.
- D Pendedahan Penuh.

4. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Ketupat Pontian oleh Puan Qis.

Puan Qis menyambung perniagaan keluarganya kerana menganggap perniagaan tersebut mampu untuk beroperasi dalam jangka masa panjang.

#### Pernyataan 3

Antara berikut, konsep perakaunan manakah yang diterapkan oleh Puan Qis?

- A Kos.
- B Materialiti.
- C Usaha Berterusan.
- D Kebolehpercayaan.

5. Maklumat berikut merujuk kepada cara Puan Farha merekod transaksi.

Mesin direkod pada harga pasaran RM5,000 walaupun harga belian mesin tersebut ialah RM12,000 pada 3 tahun lepas

#### Pernyataan 4

Apakah konsep perakaunan yang tidak diaplikasikan oleh Puan Farha?

- A Kos.
- B Materialiti.
- C Ketekalan.
- D Tempoh perakaunan.

6. Antara berikut, butiran yang manakah **benar** mengenai asas persamaan perakaunan?

- A Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik
- B Aset + Liabiliti = Ekuiti Pemilik
- C Modal + Ambilan = Aset + Hasil
- D Belanja + Hasil = Aset + Liabiliti + Ekuiti Pemilik

7. Butiran manakah yang **benar** mengenai Liabiliti Bukan Semasa?

- A Usianya lebih dari setahun.
- B Usianya kurang dari setahun.
- C Tempoh bayar balik lebih dari setahun.
- D Tempoh bayar balik kurang dari setahun.

- 8.** Sistem catatan bergu bermaksud
- A** transaksi yang perlu direkod dalam buku simpan kira.
  - B** satu transaksi yang direkodkan dalam dua akaun yang berasingan.
  - C** transaksi tunai dan bank hendaklah direkod dalam akaun yang berbeza.
  - D** satu transaksi yang direkod tanpa mengikut kesemua konsep perakaunan.
- 9.** Di bahagian manakah komisen diterima terdahulu direkodkan dalam penyata kewangan?
- A** Hasil.
  - B** Belanja.
  - C** Aset semasa.
  - D** Liabiliti semasa.
- 10.** Butiran yang manakah wujud dalam buku tunai tetapi tiada dalam penyata bank?
- A** Cek tak layan.
  - B** Debit langsung.
  - C** Caj perkhidmatan bank.
  - D** Cek belum didepositkan.

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Huraikan secara ringkas **dua (2)** ciri kualitatif pelaporan penyata kewangan selain ciri relevan dan pendedahan penuh berserta contoh.

(3 markah)

- b. Berikan **empat (4)** perbezaan ciri-ciri perniagaan milikan tunggal dan perkongsian.

(4 markah)

- c. Huraikan konsep perakaunan berikut berserta contoh:

- i. Ketekalan
- ii. Material
- iii. Berkecuali

(6 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan senarai akaun daripada perniagaan Burasak Benut Enterprise.

<b>Butiran</b>	<b>(RM)</b>
Diskaun diberi	120
Diskaun diterima	1,300
Kenderaan	53,200
Tanah	120,000
Ambilan	200
Penghutang	1,900
Pembiutang	2,800
Komisen diterima	950
Faedah atas simpanan	2,500
Faedah atas pinjaman	1,600
Pinjaman Bank	50,000
Kadar bayaran	2,200
Modal	25,000

Klasifikasikan butiran di atas kepada aset, belanja, liabiliti, ekuiti pemilik, dan hasil berserta nilainya dengan menggunakan format di bawah.

<b>Aset</b>	<b>Belanja</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>Ekuiti pemilik</b>	<b>Hasil</b>
				Contoh : Sewa diterima RM600

(15 markah)

**SOALAN 3**

Berikut merupakan beberapa transaksi perniagaan.

Tarikh	Transaksi
Jun 2020	
(Contoh)	Pemilik memulakan perniagaan dengan tunai di bank berjumlah RM250,000.
6	Membeli barang niaga secara kredit berjumlah RM15,500 dari Quail Trading. RM500 dibayar menggunakan tunai semasa hari belian dan selebihnya dibayar bulan hadapan.
10	Pemilik menambah tunai di tangan RM10,000 dan membawa komputer peribadi bernilai RM3,500 ke dalam perniagaan dan mendepositkan wang tersebut ke dalam akaun bank perniagaan
11	Syahmina membeli barang niaga bernilai RM2,900 dan telah membayar RM900 tunai. Selebihnya beliau berhasrat untuk berhutang.
15	Melangsaikan hutang belian daripada pembekal Nylia Sdn. Bhd. bernilai RM5,700 dengan cek dan mendapat diskaun sebanyak RM200.

**Dikehendaki:**

Kenal pasti kesan (bertambah/berkurang) urus niaga di atas terhadap aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil dan belanja dan nyatakan catatan jurnal (debit/kredit) bagi setiap urus niaga berserta nilai mengikut format di bawah.

Tarikh	Kesan		Jurnal	
	Bertambah	Berkurang	Debit	Kredit
(contoh)	Aset <i>Ekuiti</i>		Bank 250,000	Modal 250,000

(12 Markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

Selera Tradisi Katering adalah perniagaan makanan santapan hari raya. Berikut merupakan imbalan duga pada 31 Disember 2020. Pemilik perlukan bantuan anda menyediakan penyata kewangan untuk tujuan pembayaran cukai.

**Selera Tradisi Katering  
Imbalan Duga pada 31 Disember 2020**

	<u><b>Debit (RM)</b></u>	<u><b>Kredit (RM)</b></u>
Jualan		207,300
Belian	69,100	
Pulangan jualan dan belian	640	380
Diskaun diberi dan diterima	490	620
Premis	69,000	
Lekapan dan Lengkapan	36,000	
Perabot	13,400	
Peruntukan susut nilai :		
Premis		24,840
Lekapan dan Lengkapan		6,840
Perabot		1,340
Inventori pada 1 Januari 2020	1,210	
Modal		30,000
Ambilan	420	
Pinjaman Bank		50,000
Gaji pekerja	39,600	
Upah	1,540	
Komisyen		7,340
Kadar bayaran	3,000	
Dividen		5,612
Sewa diterima		32,000
Bank	126,052	
Tunai	5,580	
Faedah atas pinjaman bank	1,900	
Faedah atas simpanan		120
Penghutang	990	
Pemiutang		2,530
	<hr/> 368,922	<hr/> 368,922

Maklumat tambahan:

- i) Inventori pada 31 Disember 2020 ialah RM1,500.
- ii) Pemilik mengambil tunai RM2,500 untuk membeli barang niaga perniagaan yang tidak mencukupi. Tiada rekod dilakukan pada ketika ini.
- iii) Hasil sewa telah tertunggak pada dua bulan terakhir.
- iv) Gaji pekerja untuk bulan Disember masih belum dibayar.
- v) Penghutang Sally tidak dapat dihubungi untuk mengutip hutangnya sebanyak RM150 dianggap hutang lapuk.
- vi) Susut nilai adalah seperti berikut:
  - a. Premis : 20% atas kos
  - b. Lekapan dan Lengkapan : 10% atas kos

**Sediakan:**

- a) Catatan pelarasan.  
(6 markah)
- b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.  
(13 markah)
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.  
(11 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan ringkasan sebahagian buku tunai (baki bank) dan penyata bank bagi Lepat Loi Raya Sdn. Bhd. untuk bulan November 2020.

**Buku Tunai (ruangan bank)**

2020		RM	2020		RM
Nov -01	Baki b/b	23,400	Nov -06	TNB	104440 250
8	Salleh-SI010	1650	13	Belian	104441 2,410
9	Darma-SI020	320	17	Bil telefon	104442 550
17	Ikhlas Trading-SI003	1,630	30	Belian	104444 316
30	Semata Sinar-SI004	2,150	30	Baki h/b	25,624
		29,150			29,150

**Penyata Bank bagi bulan berakhir November 2020**

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2020			RM	RM	RM
Nov -01	Baki b/b				23,400
8	Deposit	SI010		1,605	25,005
9	Cek	104440	250		24,755
17	Deposit	SI020		320	25,075
18	Cek	104441	2,410		22,665
19	Cek	104442	550		22,115
26	Deposit	SI003		1,360	23,475
28	Arahan Tetap		230		23,245
30	Pindahan kredit			1,200	24,445
30	Caj bank		311		24,134

Maklumat tambahan:

1. Cek yang diterima daripada Salleh telah tersalah rekod di dalam buku tunai sebagai RM1,650.
2. Amaun yang diterima dari Ikhlas Trading berjumlah RM1,630 telah tersalah rekod oleh pihak bank sebagai RM1,360.

**Dikehendaki:**

- a. Sediakan buku tunai terlaras dan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 November 2020.

(16 markah)

- b. Huraikan **dua(2)** jenis kesilapan yang boleh berlaku dalam penyata bank dan buku tunai perniagaan.

(4 markah)

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**